

# Mudah berkawan

---

Nurul Husna Mahmud  
nurul\_husna@hmetro.com.my



IBU bapa boleh adakan acara bantu anak berkawan.

Dari usia empat tahun, kanak-kanak sudah memahami bahawa orang lain mungkin mempunyai pemikiran, minat dan perasaan berbeza dengan mereka.

Memetik kenyataan pakar psikologi klinikal dan pengarang buku *Growing Friendships: A Kids' Guide to Making and Keeping Friend*, Eileen Kennedy-Moore, kemahiran berfikir yang turut dikenali sebagai Teori Minda itu membantu kanak-kanak berkawan.

"Kanak-kanak menjadi lebih baik apabila mampu membayangkan perspektif orang lain dan ini menyemarakkan persahabatan yang lebih menarik.

"Malah, kanak-kanak sering mempunyai pandangan ke arah menjalin hubungan persahabatan, membentuk ikatan rapat dengan rakan sebaya di taman permainan atau bilik darjah," katanya.

Tambah pakar itu, kanak-kanak mempunyai kelebihan berbanding orang dewasa apabila memulakan persahabatan.

"Pada usia dewasa, untuk persahabatan proses lebih panjang diperlukan kerana ia memerlukan usaha yang disengajakan untuk mencari dan memupuk persahabatan," katanya.

Menurut satu kajian, orang dewasa mesti menghabiskan kira-kira 50 jam bersama-sama untuk beralih daripada sekadar kenalan kepada kawan biasa, 90 jam bersama sebelum mereka menganggap satu sama lain sebagai kawan dan lebih daripada 200 jam untuk menjadi kawan rapat yang berkongsi hubungan emosi.

"Persahabatan erat pada zaman kanak-kanak membantu golongan itu mempraktikkan kemahiran yang mereka perlukan dalam hubungan romantik pada peringkat seterusnya dalam hidup mereka.

"Mereka juga belajar mengenai orang lain dan diri sendiri, untuk menangani perasaan seperti kesunyian, cemburu dan kekecewaan," kata Elieen.

Peranan ibu bapa boleh membantu anak mereka menjalin hubungan persahabatan positif secara tidak langsung membantu perkembangan sosial positif.



PEMALU mungkin menyebabkan anak sukar memulakan perkenalan dengan rakan baru.

**Berikut antara peranan boleh dimainkan ibu bapa dalam membantu anak memilih persahabatan yang sihat:**

1. Ibu bapa boleh menyokong anak-anak menjalin persahabatan yang positif dengan menganjurkan pertemuan menyeronokkan di luar sekolah.

Kanak-kanak biasanya berkawan untuk melakukan perkara yang menyeronokkan bersama-sama.

Boleh fikirkan aktiviti bersesuaian dengan minat anak-anak dan rakan sebaya mereka.

2. Tunjukkan dorongan apabila anak menemui persamaan dengan kenalan sebaya mereka.

Kanak-kanak yang memiliki personaliti pemalu dan introvert sukar memulakan perbualan.

Jika anak ada bercerita mengenai kebaikan dan menyukai salah seorang rakan, sebagai ibu bapa boleh beri dorongan supaya anak anda memberanikan diri menjalin persahabatan dengan kenalan mereka.

3. Amalkan ucapan perkenalan yang ringkas untuk anak gunakan di taman permainan.

Tunjukkan contoh atau mungkin boleh ajar anak menggunakan ayat mudah untuk memperkenalkan diri.

4. Buat senarai permainan atau jenaka mudah yang boleh dikongsi anak anda dengan kanak-kanak lain.

Jenaka dan permainan antara perkara disukai kanak-kanak. Ia adalah kaedah membuatkan rakan baru lebih senang dan selesa berkawan.

5. Di sekolah, tanya guru mengenai persahabatan positif yang terjalin (atau persahabatan yang tidak sihat yang sama pentingnya) dan tawarkan diri untuk menjemput anak-anak di luar sekolah.

**Disiarkan pada: September 10, 2024 @ 7:00am**

<https://www.hmetro.com.my/WM/2024/09/1132292/mudah-berkawan>